

PERADUAN BISKUT RAYA COKLAT

TERMA & SYARAT

#MERIAHKANBALANGRAYA

A. Jadual Syarat Kemasukan

Penganjur	Chocolate Museum Chocolate Sales & Supplies Sdn Bhd
Penaja Utama	Quantum Supplies (M) Sdn Bhd
Peraduan	Biskut Raya Coklat (2021)
Tempoh Peraduan	27 April 2021 – 20 Mei 2021
Kelayakan	<ul style="list-style-type: none">• Terbuka kepada seluruh Warganegara Malaysia berumur 18 Tahun ke atas tanpa mengira jantina dan bangsa.• Setiap Individu TERHAD untuk satu penyertaan sahaja.• Golongan Individu yang TIDAK LAYAK menyertai peraduan ini adalah kakitangan pihak penganjur.
Cara Kemasukan	<ul style="list-style-type: none">• Borang dan maklumat terperinci peraduan boleh didapati di website rasmi Chocolate Museum melalui pautan di bawah www.chocolatemuseum.my• Borang juga boleh didapati di setiap kedai kami yang terpilih. (Sila rujuk senarai lokasi kedai)• Beli mana-mana produk DANSON atau MILTON untuk resipi Biskut Raya anda.• Buat biskut raya dan ambil gambar hasil resipi bersama-sama dengan bekas/pembungkus coklat yang telah dibeli.• Muat naik gambar Biskut Raya anda ke laman media sosial. Jangan lupa untuk tag Chocolate Museum dan hashtag #MeriahkanBalangRaya• Isi borang penyertaan, kemudian hantar atau poskan minimum 300 gram Biskut Raya anda bersama Resipi dan Resit Pembelian coklat ke alamat dibawah:• URUS SETIA BISKUT RAYA COKLAT Chocolate Museum, No.2, Jalan Teknologi 3/5, Taman Sains Selangor 1, 47810, Kota Damansara, Petaling Jaya, Selangor. MALAYSIA.

Tarikh Masuk Peraduan	27 April 2021
Butiran Penilaian	<p>Penghakiman dibuat berasaskan kriteria berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kreativiti & Inovasi - 30 % • Rasa - 40 % • Persembahan - 20 % • Gambar - 10 % <p>Jumlah Keseluruhan: 100 % (Markah)</p> <p><u>Keterangan penghakiman</u></p> <p>Kreativiti & Inovasi:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Resipi unik, asli, dan bukanlah resipi yang biasa. • Menggunakan sekurang-kurangnya satu produk DANSON atau MILTON dalam resipi dan menghantar penyertaan mengikut tema dan tarikh yang ditetapkan. <p>Rasa:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Rasa biskut yang sedap dan istimewa seperti aroma, tekstur dan rasa biskut yang bersesuaian dengan tema. <p>Persembahan:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Resipi kelihatan menarik dan membuka selera. <p>Gambar:</p> <ul style="list-style-type: none"> • Gambar mestilah terkini dan asli serta tidak pernah diterbitkan di mana-mana bahan bercetak mahupun elektronik atau dihantar di mana-mana pertandingan sebelum ini. • Gambar peserta akan dimuat naik dalam laman sosial Chocolate Museum bagi tujuan publisiti atau periklanan <p>Penyertaan dengan markah tertinggi akan dipilih sebagai pemenang Hadiah Utama.</p>
Hadiah	<p>Terdapat 4 kategori Hadiah yang disediakan:</p> <p>TEMPAT PERTAMA</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM1,000.00 & Barangan DANSON bernilai RM500.00 serta Sijil Penyertaan <p>TEMPAT KEDUA</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM700.00 & Barangan DANSON bernilai RM300.00 serta Sijil Penyertaan <p>TEMPAT KETIGA</p> <ul style="list-style-type: none"> • RM500.00 & Barangan DANSON bernilai

	RM200.00 serta Sijil Penyertaan 10 X HADIAH SAGUHATI <ul style="list-style-type: none"> • Barangan DANSON Bernilai RM100 serta Sijil Penyertaan
Makluman Pemenang	PEMENANG akan diumumkan pada 25 Mei 2021 menerusi Facebook Rasmi Chocolate Museum
Tarikh Pengambilan atau Penghantaran Hadiah	<ul style="list-style-type: none"> • Pemenang & Pemegang Hadiah Saguhati boleh mengambil hadiah bermula 26 Mei 2021 • Manakala untuk penghantaran hadiah bermula 27 Mei 2021 <p>Penerima hadiah akan dihubungi terlebih dahulu bagi tujuan pengesahan.</p>
Terma Tambahan	<ul style="list-style-type: none"> • Pihak Penganjur akan menghantar makluman keputusan kepada Pemenang melalui e-mel atau panggilan telefon. Pihak Penganjur tidak akan bertanggungjawab sekiranya penerima terpilih tidak dapat dihubungi atas apa jua sebab. • Pihak Penganjur akan mengumumkan senarai pemenang di laman web dan Facebook Rasmi dan Instagram Chocolate Museum. • Setiap peserta hanya boleh memenangi satu (1) Hadiah sahaja • Pihak Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa peraduan yang dinyatakan jika diperlukan. • Pihak Penganjur berhak untuk menggantikan sebarang hadiah dengan hadiah lain yang samainlainya sekiranya hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia. • Penganjur berhak menarik semula hadiah jika penerima tidak dapat dihubungi atau penerima tidak menghubungi penganjur dalam tempoh satu (1) minggu selepas tarikh pemenang diumumkan.

Jadual Syarat Kemasukan mesti dibaca bersama Syarat Kemasukan, "Terma dan Syarat" secara kolektif, dan akan mengikat semua peserta (yang mengambil bahagian dalam Peraduan ini).

B. Syarat Kemasukan (Terma dan Syarat)

Pengenalan

- a. Penganjur berhak mengikut budi bicara mutlaknyaa, tanpa notis terlebih dahulu, dan tanpa apa-apa tanggungan kepada mana-mana orang, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Sampel, membatalkan, menamatkan atau menggantung peraduan dalam keseluruhannya atau sebahagiannya.
- b. Keputusan Penganjur mengenai semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk penghakiman dan pemilihan pemenang adalah muktamad dan tiada surat-menyurat atau rayuan akan dilayan selepas itu.

Syarat-syarat penyertaan

- a. Dengan mengemukakan penyertaan untuk peraduan, Peserta disifatkan telah memahami dan bersetuju dengan Terma dan Syarat.
- b. Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam peraduan, termasuk tanpa batasan, telekomunikasi, rangkaian, Perkhidmatan Pesanan Ringkas, Pos, dan semua caj lain, dan belanja luar yang mungkin ditanggung oleh Peserta semasa atau berkaitan dengan peraduan akan ditanggung oleh Peserta sepenuhnya.
- c. Bukti penyerahan bukanlah bukti penerimaan dan Penganjur tidak akan bertanggungjawab untuk apa-apa kelewatan, hilang, rosak, dan/atau tidak menerima penyerahan.

Tidak Layak

Kumpulan berikut tidak layak menyertai peraduan:

- a. Kakitangan Penganjur dan kumpulan syarikat dan ahli keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka); dan
- b. Pekerja agensi Penganjur yang berkaitan dengan peraduan dan keluarga terdekat mereka (pasangan, anak, ibu bapa, adik-beradik, dan pasangan mereka).

Hilang Kelayakan

Penyertaan berikut akan hilang kelayakan:

- a. penyertaan tidak jelas, tidak lengkap, tidak asli, salinan tidak dapat dibaca atau tidak betul; dan/atau
- b. penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkenaan.

Di samping itu, Penganjur mempunyai hak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- a. telah atau cuba untuk melemahkan operasi peraduan melalui penipuan dan/atau
- b. tidak layak atau tidak dapat memberikan bukti kelayakan untuk menyertai peraduan untuk pengesahan oleh Penganjur apabila diminta.

Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan Peserta termasuk tanpa batasan, foto, lukisan, teks, dan apa-apa kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Kempen dan nama Peserta, dan/atau yang sama, untuk pengiklanan, publisiti, dan kempen apa-apa barangan atau perkhidmatan Penganjur, untuk masa yang tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan dalam mana-mana media.

Hak Harta Intelek

- a. Peserta bersetuju bahawa semua hak harta intelek dalam apa-apa kandungan dan/atau bahan-bahan yang dikemukakan, dibuat atau diwujudkan oleh Peserta berkaitan dengan peraduan dan apa-apa karya derivatif yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat terletak hak, ditugaskan dan dimiliki oleh Penganjur.
- b. Pihak Penganjur mempunyai hak untuk menggunakan dan mengubahsuai bahan atau kerja sedemikian dengan cara yang difikirkannya sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujuikan semua hak yang terhadap bahan atau kerja tersebut.

Risiko Kerugian

Setiap Peserta bersetuju untuk menanggung sebarang rugi sepanjang menyertai peraduan atau sepanjang kempen ini dijalankan seperti kos bahan, telekomunikasi, rangkaian, Perkhidmatan Pesanan Ringkas, pos, dan semua caj lain, dan belanja luar yang mungkin ditanggung oleh Peserta.

Batasan Liabiliti

- a. Penyertaan Peserta dalam peraduan adalah atas risiko Peserta sendiri.
- b. Penganjur, Chocolate Museum, Chocolate Sales & Supplies Sdn Bhd dan Quantum Supplies (M) Sdn Bhd, para pengarah, pegawai, pekerja, agen, penaja dan/atau wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap Peserta untuk kehilangan atau kerosakan yang dialami, termasuk tetapi tidak terhad kepada ganti rugi tidak langsung atau berbangkit, atau kecederaan individu yang ditanggung atau dialami oleh Peserta berikutan penglibatan Peserta dalam peraduan, termasuk penebusan, dan/atau penggunaan hadiah yang dimenangi.

Notis Privasi

- a. Penganjur boleh menggunakan maklumat peribadi peserta bagi tujuan menghantar maklumat atau bahan-bahan pemasaran dan promosi mengenai produk penganjur, perkhidmatan, sampel, menghubungi peserta untuk maklum balas berkenaan produk-produk penganjur, kaji selidik, apa-apa promosi, acara, atau pertandingan yang dianjurkan oleh penganjur.
- b. Sila ambil perhatian bahawa Penganjur memerlukan maklumat peribadi anda untuk memproses penyertaan anda dalam Peraduan Biskut Raya Coklat dan tanpa maklumat yang diperlukan, kami tidak akan dapat memproses permohonan anda.

Semua permintaan atau pertanyaan bertulis anda hendaklah dialamatkan kepada:

Chocolate Museum

No.2, Jalan Teknologi 3/5, Taman Sains Selangor 1, 47810, Kota Damansara, Petaling Jaya Selangor

No.Tel: 03-7490 4260

Emel: enquiry@chocolatemuseum.my